

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH****BAHAGIAN A : Sistem dan Aplikasi Bahasa**

Markah penuh : **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **8** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **4** markah

**Perhatian bagi soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 – Morfologi kata bantu**

1. sedang
2. akan
3. perlu
4. dapat
5. selalu

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 2 – Sintaksis (salin semula ayat yang bergaris dan nyatakan jenis ayat)**

- (i) Bagaimanakah kita boleh mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang semakin serius ini?- ayat tanya
- (ii) Para saintis telah mengingatkan kita tentang bahaya pencemaran yang tidak terkawal dan kesannya terhadap kesihatan manusia serta ekosistem.- ayat penyata
- (iii) Hentikanlah pembaziran sumber dan jangan biarkan alam sekitar kita terus terjejas.-ayat perintah
- (iv) Semangat dan usaha bersama adalah kunci untuk melindungi bumi kita! -ayat seruan

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 3 - Penyuntingan****Bahan 1**

- |                  |                 |
|------------------|-----------------|
| 1. adalah        | - ialah         |
| 2. turun temurun | - turun-temurun |
| 3. hasrat        | - semangat      |
| 4. canggih       | - moden         |
| 5. menggembeleng | - menggembleng  |
| 6. menjadi       | - menjadikan    |

[Maksimum : 5 markah]

**Bahan 2**

- |                           |                                 |
|---------------------------|---------------------------------|
| 1. petularan              | - penularan                     |
| 2. Ramai orang            | - Orang ramai                   |
| 3. mempunyai              | - membuat                       |
| 4. akan pihak JPN hubungi | - akan dihubungi oleh pihak JPN |
| 5. lebih                  | - lanjut                        |
| 6. disedia                | - disediakan                    |
| 7. Jbatan                 | - Jabatan                       |

1.

[Maksimum : 11 markah]

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

#### Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Kemudian/Lalu titah baginda, “Apakah helah yang dilakukan oleh Laksamana sehingga dapat membunuh askar upahan itu?”

Kemudian/Lalu diceritakan oleh Laksamana semuanya. Baginda berasa hairan tetapi pada masa yang sama berasa sangat gembira. Baginda lalu memberikan anugerah kepada Laksamana.

[Maksimum : 4 markah]

#### Soalan 5 – Peribahasaerasa

- (i) sambil menyelam, minum air-
- belayar sambil memapan, merapat sambil belayar
  - berkayuh sambil bertimba
  - berkayuh sambil ke hilir
  - sambil berdendang, biduk hilir
  - sambil berdiang, nasi masak
  - sekali membuka pura, dua tiga hutang terbayar
  - sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau
- (ii) ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi- bagaimana acuan, begitulah kuihnya
- bapa borek, anak rintik
- (iii) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing- Hidup sandar-menyandar,
- bagai aur dengan tebing,
  - Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat
  - Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
  - Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
  - Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
  - Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai
  - Terendam sama basah, terampai sama kering

[Maksimum : 4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman****1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

**3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3

- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

### Soalan 6

(i) **Maksud frasa *prospek besar*.**

- |                 |   |
|-----------------|---|
| - peluang luas  | 2 |
| - peluang besar | 1 |
| - prospek besar | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kriteria yang perlu ada pada seseorang cef yang berjaya

**Bahan 1**

- P1 bersikap bijak  
P2 kreatif  
P3 mempunyai imaginasi yang baik ketika menghasilkan hidangan  
P4 mempunyai kesabaran yang tinggi dengan cara kerja yang mudah  
P5 memahami rantai pemakanan yang baik

**Bahan 2**

- P1 keinginan yang tinggi untuk mempelajari dan menguasai bidang perniagaan dan pemasaran  
P2 sikap tidak berputus asa

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Guru kaunselor di sekolah dapat memainkan peranan untuk menarik minat murid menceburi bidang seni kulinari:**

- P1 membuat lawatan ke pusat pengajian yang menawarkan kursus kulinari  
P2 menjemput penceramah/cef yang bertauliah untuk berkongsi maklumat berkaitan bidang kulinari  
P3 mendedahkan peluang kerjaya dalam bidang kulinari  
P4 membantu murid memilih pusat pengajian yang menawarkan bidang kulinari

**(peranan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Tindakan yang perlu saya ambil untuk memastikan ibu dan ayah dapat merestui hasrat untuk saya menyambung pelajaran dalam bidang kulinari

P1 memberitahu ibu bapa tentang kelebihan dalam bidang kulinari

P2 berbincang dengan semua ahli keluarga berkaitan minat saya dalam bidang kulinari

P3 meminta adik beradik lain memberitahu ibu bapa

P4 menjemput rakan-rakan yang telah berjaya dalam bidang kulinari berjumpa dengan ibu bapa

P5 berjanji dengan ibu bapa untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang kulinari

(tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

### Soalan 7

- (i) Maksud rangkai kata melahirkan cendekiawan :

- menghasilkan/ mengeluarkan/mewujudkan bijak pandai/intelektual/ilmuwan 2

- melahirkan bijak pandai/intelektual/ilmuwan 1

- menghasilkan/mengeluarkan/mewujudkan cendekiawan 1

[Maksimum : 2 markah]

### Bahan 1 Kepentingan menguasai bahasa ibunda

P1 jika ingin dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah.

### Bahan 2

P1 bangsa dan budaya dapat disatukan

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) Keburukan-keburukan pencemaran bahasa

P1 hilang identiti bahasa

P2 dipandang rendah oleh bangsa lain

P3 menjatuhkan martabat

P4 bahasa melayu dipinggirkan oleh masyarakat melayu itu sendiri

P5 kekeliruan bahasa kepada generasi akan datang

(keburukan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**(iv) Sebagai seorang pelajar yang prihatin, usaha-usaha yang boleh diambil untuk mengatasi situasi ini**

- P1 mencadangkan pihak sekolah perlu mengadakan program bulan bahasa
- P2 guru hendaklah melazimi pelajar menggunakan bahasa Melayu yang betul
- P3 guru menggunakan bahasa Melayu standard dengan betul semasa pdp
- P4 menasihati rakan agar menggunakan bahasa Melayu yang betul

**(usaha yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 8**

**(i) aktiviti-aktiviti yang disediakan untuk pelancong apabila mengambil pakej pelancongan**

- P1 ke tempat air terjunkah,
- P2 memanjat gunungkah,
- P3 memancingkah atau
- P4 melawat ladang strawberi,

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel Pantai Kasih**

**Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)**

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan.**
- (iv) Berikan 1 markah bagi setiap **sebab peristiwa berkenaan menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan.**
- (v) Markah isi, maksimum 4 markah
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum : 6 markah]**

**(ii) Peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan.**

### **Novel Pantai Kasih**

#### **1. Peristiwa**

Dr. Raiha belajar dalam bidang perubatan sehingga berjaya menjadi doktor pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

#### **Sebab**

Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana ilmu akan membantu seseorang mencapai cita-cita.

#### **2. Peristiwa**

Datu Ontong erjaya membuka sebuah pusat rawatan yang eksklusif setelah lama berkhidmat dan mempunyai banyak pengalaman dalam bidang perubatan.

#### **Sebab**

Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana ilmu yang dimiliki dapat mengubah taraf hidup seseorang.

#### **3. Peristiwa**

Peristiwa Unong Siron yang meraih gelaran sarjana dengan bantuan biasiswa kerajaan.

#### **Sebab**

Peristiwa ini menunjukkan bahawa seseorang yang berilmu akan diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

#### **a) Novel Bimasakti Menari**

##### **1.Peristiwa:**

Rombongan 15 orang pelajar dan 3 orang guru pengiring dari Jepun tidak dapat melihat bintang di langit kerana langit terlalu cerah.

##### **Sebab:**

Peistiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan apabila hanya orang yang berilmu yang dapat menilai anugerah tuhan.

##### **2.Peristiwa:**

Nurul Hafsa merupakan seorang pelajar lepasan universiti luar negara dalam bidang fizik dan kaji falak.

##### **Sebab:**

Peistiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu kerana tidak mudah dimanipulasi oleh pihak yang berkepentingan

##### **3.Peristiwa:**

Muhammad Taufik yang mengusahakan projek Ikhtiar Teknoalam iaitu pembinaan rumah yang berkonsepkan kediaman mesra alam.

##### **Sebab :**

Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dapat mencipta pelbagai inovasi.

**(Peristiwa lain diterima sekiranya sesuai)**



**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN : BAHAGIAN C**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.  
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, selebihnya tidak perlu diperiksa.  
 (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>								<b>2</b>
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>								
Fokus 1	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>		
Fokus 2	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>3</b>		
<b>(iii) Isi Bahan 1</b>								
Fokus 3	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>		
<b>(iv) Isi Bahan 2</b>								
Fokus 3	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>3</b>		
<b>Jumlah isi</b>	<b>12</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>		
<b>(iv) Penutup / Kesimpulan</b>								<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>							<b>20</b>

**Pendahuluan [2 markah]**

Rumusan/Bahan membincangkan **sebab/punca/faktor buli siber , kesan buruk/keburukan buli siber dan tindakan/cara/langkah yang perlu dilakukan sekiranya menjadi mangsa buli siber**

Jika calon menyatakan dua fokus betul

[2 markah]

Jika calon menyatakan satu fokus betul

[1 markah]

[1 markah]

**ISI****Fokus 1 : sebab/punca/faktor buli siber****Bahan 1 (Petikan)**

1. kerahsiaan identiti yang ditawarkan oleh platform dalam talian
2. kurangnya kesedaran dan pendidikan mengenai buli siber
3. Tekanan sosial dan persekitaran
4. Pengaruh media sosial

**Fokus 2 : kesan buruk/keburukan buli siber****Bahan 1 (petikan)**

1. Dari segi psikologi, mangsa boleh mengalami tekanan emosi yang serius seperti kemurungan, kegelisahan, dan hilang keyakinan diri.
2. menyebabkan mangsa mengasingkan diri daripada rakan-rakan dan keluarga.
3. terdapat juga kesan kewangan yang mungkin timbul daripada buli siber.

**Fokus 3 : tindakan/cara/langkah yang perlu dilakukan sekiranya menjadi mangsa buli siber****Bahan 1**

1. Situasi ini menunjukkan betapa pentingnya sokongan sosial dan kaunseling dalam mengurangkan tindakan buli

**Fokus 3 : tindakan/cara/langkah yang perlu dilakukan sekiranya menjadi mangsa buli siber****Bahan 2 (Grafik)**

1. Laporkan kepada pihak berkuasa
2. Bincang dengan orang yang dipercayai
3. Simpan bahan bukti
4. Mengelakkan diri daripada membalas mesej pembuli

**KESIMPULAN [2 markah]**

K1 - Kesimpulannya, buli siber perlulah / mestilah / haruslah diatasi secara berkesan agar tiada yang akan menjadi mangsa. [2 markah]

K2 - Kesimpulannya, buli siber perlulah / mestilah / haruslah diatasi dengan berkesan. [1 markah]

(b) **Bahasa [10 markah]**

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat sangat baik</li> <li>▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li> </ul>
BAIK	5 – 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat baik</li> <li>▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat</li> <li>▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan</li> </ul>
SEDERHANA	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat kurang baik</li> <li>▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat</li> <li>▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan</li> </ul>
LEMAH	1 – 2	Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**